

Hentikan spekulasi



>>Oleh Mohamad Hussin

mohamad@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique mahu semua pihak menghentikan spekulasi mengenai pengisi jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur apabila kontrak Datuk Bandar sekarang, Datuk Ab Hakim Borhan berakhir pada 14 Disember ini.

"Buat masa ini kita tunggu keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memutuskan siapa bakal menjawat kerusi nombor satu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)."

"Saya minta semua pihak menghentikan spekulasi mengenai jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baru. Bila tiba masanya kelak, kita akan umumkannya," katanya.

Menurut sumber, kemungkin-



ZULHASNAN...sabar

an Ab Hakim dikekalkan menyandang jawatan Datuk Bandar bagi tempoh dua tahun lagi.

Bagaimanapun, sumber itu memberitahu, ia bergantung kepada Perdana Menteri melan-



AB HAKIM...hitung hari

jutkan tempoh jawatan berke-naan.

Akhbar Harian Metro baru-baru ini menyiarkan laporan mengenai pelantikan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Kini, Ab Hakim hanya mem-bilang hari menanti sama ada kerusi disandang sejak 2006 itu disambung atau tidak ber-dasarkan kepada tempoh ja-watan yang bakal tamat 14 Disember depan.

Tidak dinafikan, Ab Hakim sudah merasa cabaran dan individu yang bakal dipilih sebagai Datuk Bandar baru akan terus menghadapi ke-renah pembangkang yang menguasai 10 kerusi Parli-men di ibu kota.

Hanya kerusi Parlimen Setia-wangsa kekal di tangan Barisan Nasional (BN) melalui Zulhas-nan bagi memberikan khidmat dan sumbangan bukan saja se-bagai Ahli Parlimen, malah se-bagai Menteri Wilayah Perse-kutuan.

Kini, pelbagai pihak menan-tikan siapa bakal dinobatkan Da-tuk Bandar baru atau khidmat Ab Hakim diteruskan.